

ORANG ISLAM YANG TERKEMUKA

IQBĀL DAN ALIRAN SENI SASTERANYA

“Saya tulis rencana ini semestinya ikhlas hati saya untuk memperkenalkan kepada masyarakat akan kesusasteraan Islam itu dan jaguhan-jaguhan – biar masyarakat insaf bahawa Islam juga tidak miskin dengan jaguhan-jaguhan kesusasteraan kita memerhati angkatan sekarang hanya membawa ciptaan-ciptaan barat, sedang Islam amat tersembunyi sekali – “ Demikian kata Adib “Johari Ahmad “ di dalam suratnya kepada “Qalam” sebagai pendahuluan makalahnya yang kita hidangkan disini – P .

(Oleh Johari Ahmad)

Iqbāl dan aliran seni sasteranya: Makalah ini saya tujukan kepada semua angkatan pelajar-pelajar Islam taman-taman kita di dalam dan luar tanah air – dan juga bagi pencipta-pencipta seni kesusasteraan umumnya.

Saya tulis makalah ini – satu harapan saya daripadanya mudah-mudahan akan dapat kita mengingati kembali pujangga Muslim ini dengan seluruh aliran perjuangan, dan bagi pencipta-pencipta seni kesusasteraan di tanah air yang selama ini memandang kelebihan Barat. Memperkatakan pujangga-pujangganya Shakespear . Tolstoy dan lain-lain lagi dapatlah kembali menyedari bahawa di dalam taubat Islam itu sendiri tak kurangnya juga jaguh-jaguh kesusasteraan. Budaya dan falsafah untuk diketengahkan di tengah gelanggang masyarakat.

Lama kita mengikuti perdebatan sastera di khabar-khabar. Lalu kita membca tulisan-tulisan dan gambaran-gambaran sastera – dan lama pula kita menerima gambaran-gambaran sasterawan kita akan hasil-hasil seni kesusasteraan barat dan kadang-kadang ada pula dihidangkan dengan hasil-hasil kesusasteraan “Rusia” untuk makanan dan santapan jiwa Melayu.

Kita pernah membaca bahasa dan kesusasteraan Inggeris yang ditulis oleh Tuan Asraf dan disiarkan berturut-turut

oleh Mastika beberapa lama dahulu, kita pernah membaca “Kalung Leher” oleh Guy De Maupassant (Guy De Maupassant) salah seorang pengarang perancangan yang besar dalam zamannya. Lahir pada tahun 1820 dan meninggal 1893, diterjemah oleh tuan Asraf juga (Mastika Mac 1952) juga kita pernah menatap cerita pendek “Sigismunda”. Oleh Gayuyunani Bockajo– seorang pengarang bangsa Itali yang mashur yang diterjemah oleh saudara Jamil Sulong (Mastika Disember 1950) seumpama juga kita telah pernah membaca cerita-cerita “sepanjang Jalan” disiarkan oleh Mastika, sajak Di Mana Syurga oleh M. Asraf yang menggemparkan. Dan tak kurang pula keluaran masyarakat kita oleh masuknya buku “Ateis” (Atheist) ke tanah air beberapa lama dahulu. Semuanya ini membawa kesan yang dalam kepada masyarakat. Baik atau buruknya kesan-kesan itu adalah terserah kepada pertimbangan masyarakat kita sendiri.

Di dalam perdebatan-perdebatan sastera pada beberapa tahun yang lepas itu, sastera Islamlah yang jarang benar diperkenankan orang. Jarang kita dapat membaca seni kesusasteraan Islam, pertumbuhan – perkembangan dan kesan-kesannya di dalam masyarakat.

Jarang kita dapat menatap sajak-sajak tawhid – di samping beberapa sajak-sajak tanah air dan kebangsaan, ada tak ada hanyalah sajak “Tuhanku” ciptaan Saudara Ramlimah, di dalam Qalam beberapa lama dahulu di samping beberapa buah rencana yang berharga yang ditulis oleh Tuan Za’ba, dan Tuan ‘Abdullāh Basmeh di dalam Qalam terutama di dalam ruangan khasnya “Al-Quran dari segi ilmu dan falsafah” saya rasa dengan tidak melupai hasil-hasil dan buah tangan taman-taman yang lain (yang tak teringat oleh saya) bahawa apa yang ditulis oleh “Ramlimah” dengan sajaknya “Tuhanku” dan tulisan-tulisan tuan ‘Abdullāh Basmeh itu sudahlah menjadi suatu sumbangan yang besar juga ertinya bagi pertubuhan jiwa umat Islam di tanah air kita.

Tetapi ini tentulah belum mencukupi, tentulah kita belum berpuas hati setakat itu, tentulah tak akan memadai dengan sajak “Tuhanku” persembahan Ramliah itu untuk menjadi makanan rohani umat Islam, apa lagi untuk membalas “Di Mana Syurga” dan kawan-kawannya.

Saya menyedari ini beberapa lama – ingin saya untuk menjadikan kesedaran ini suatu bentuk kenyataan yang kukuh dan besar walaupun lebih dahulu saya sedar bahawa “model” untuk ditulis menjadi “kenyataan” itu amat sedikit sekali saya perolehi hanya apa yang saya harapkan biarlah ini menjadi langkah gerakan pertama untuk diikuti oleh teman-teman lain, tegasnya menjadi tenaga “lokomotif” mendorong saudara-saudara lain yang lebih berkebolehan untuk bangun menyinsing lengan membongkar seluruh hasil seni kesusasteraan Islam dan kebudayaannya serta memperkenalkannya kepada masyarakat .

Doktor Mohammad Iqbāl

Di dalam memperkenalkan siapakah dianya Doktor Mohammad Iqbāl saya rasa ada baiknya saya memetik akan sedikit tulisan saya yang pernah disiarkan oleh majalah Pengasuh bilangan 258, penyeru raya 1954, di dalamnya ada saya tulis

sebagai berikut:

“Di antara beberapa jaguh-jaguh kesusasteraan Timur yang ulung sekali pada kurun yang kedua puluh ini ialah Almarhum Doktor Muhammad Iqbāl . Iqbāl sebagai seorang penyair Muslim seorang pujangga, seorang ahli falsafah , bahkan seorang ahli siyasa dan politik kenegaraan – Dialah orangnya yang memupuk tunas semangat kemerdekaan Pakistan, bahkan dialah orangnya pembangun negara Islam yang muda itu bersama dengan pemimpin-pemimpin lain”.

Memang – tidaklah syak lagi bahawa apabila itulah salah seorang daripada pendorong kebangsaan rohani umat Islam Pakistan dan menumbuhkan tenaga perjuangan untuk membina satu negara baharu yang berasing daripada India yang didasarkan di atas dasar-dasar keislaman. Mengikuti sejarah mulanya bagi kemerdekaan India itu sendiri bahawa Pakistan tidaklah terasing daripadanya, dan umat Muslimin adalah mempunyai hak dan kewajipan, tanggungjawab dan amanah seumpama umat-umat India itu sendiri.

Tetapi begitulah – kehendak dan kudrat Tuhan – bahawa oleh beberapa hal umat India dan Pakistan ini tidak dapat disatukan di dalam satu pertadbiran negara.

Hal ini umat disedari sendiri oleh Iqbāl, lebih dahulu sedarnya daripada jenah dan pemimpin-pemimpin lain, kerana pada aslinya Jinnah sendiri bekerjasama dengan Indian Congres – tetapi manakala sampai di tengah jalan – demi dilihatnya perjuangan Indian Congres adalah merugikan kepentingan umat Islam semestinya dan setelah menerima beberapa dorongan yang bertalu-talu daripada teman sejawat (antaranya termasuk Iqbāl) baharulah ditubuhkan pertubuhan baharu yang terkenal dengan Muslim lengkap. Apabila lebih dahulu menyedari bahawa walaubagaimanapun negara Islam haruslah diwujudkan, dia insaf juga bahawa di antara “Nasional Hindu” dan “Muslim League” tidaklah akan mendapat persuaian yang rapat bagi melaksanakan satu negara yang merdeka, berdaulat, dan berideologi satu

Iqbāl teringat: “Orang Hindu kebangsaan umat ingin untuk menegakkan kembali kedaulatan kerajaan Hindu purbakala sebaliknya umat Islam ingin mengambil “al-Quran” bagi dasar dan pegangan hidupnya serta menjadikannya perlembagaan bagi sebuah negara baharu berbentuk moden.

Iqbāl menurut pandangan orang lain

Saya rasa ada baiknya kita mengenali

siapa dia Iqbāl itu saya bawakan kepada tuan pembaca beberapa tinjauan umum mengenai diri atau sahsiah pujangga ini secara ringkas, sebab ini pun akan dapat menolong kita mengenalinya dari dekat.

Amat tertarik benar perhatian saya dengan apa yang pernah dikenakan oleh Tuan Muhammad Natsir pemimpin agung muslimin Indonesia itu di dalam buku kecil yang bernilai tinggi yang sempat saya baca, iaitu buku “Dapatkah Dipisahkan Politik Dari Agama”? dan beberapa rencana-rencana lain lagi yang ditulis olehnya – antara katanya di dalam buku itu: tak syak lagi adalah apabila salah seorang pendorong kebangkitan Islam di India dan Pakistan khususnya dan umat Islam seluruh dunia umumnya – telah dibangunkan ummat Islam seluruh dunia umumnya - telah dibangunkan ummat Islam India – Pakistan dari kelainan “mereka dengan menjelmakan buah fikiran di dalam persajakkan “lirik” berkata lagi Muhammad Natsir: Iqbāl mengingatkan kaum muslimin akan masa silam mereka yang gemilang, seraya memerintah mengeluhi keadaan bala bencana mereka dewasa ini – lalu dinyalakan di dalam kalbu mereka “ api harapan” untuk masa depan yang gemilang dengan membangunkan “perdebatan” dan yang amat tertariknya Nasir sendiri membawa sepotong sastera dari Iqbāl mengenai hal ini , berkata Iqbāl – Katanya:

Khudi kokar bulanda atnakeh har taqdir si

pahali khudi- bandi si khudi paci bata

tari razankiya hey.

“Binalah peribadimu demikian hebatnya, sehingga sebelum Tuhan menentukan takdirmu, dia sendiri akan mengarahkan tanya padamu: Apakah yang kau kehendaki yang sebenar ?

Presiden Sukarno antara lain mengatakan :

“Apabila seorang pahlawan, pahlawan falsafah, pahlawan sastera, pahlawan agama, saya bergembira bahawa bangsa Indonesia dapat menangkap kebesaran pahlawan akal sebagaimana ia dapat menangkap pula kebesaran pahlawan lain-lain.

Dalam pada itu, Doktor Adam Bakhtiar – kepala dewan perancang Kementerian Pendidikan Pengajaran dan kebudayaan Indonesia (1952) pernah juga menyebutkan antara lain:

“Iqbāl membuka jalan baharu di dalam pandangan falsafah Barat terhadap Timur, sehingga pada permulaan abad kedua puluh, filsuf-filsuf Barat itu mulai mengarahkan pandangan ketimuran dengan menterjemahkan gubahan syair-syair Islam, Hindu dan Tang Hoa, untuk dunia barat itu”.

“Iqbāl bukanlah seorang penyair yang mengeluarkan perasaan-perasaan dari kalbunya, tetapi juga ahli fikiran dan seorang filsuf dalam ertikata yang seluasnya-luasnya.”

Sambil itu Baharom Rangkuti, seorang sasterawan Islam Indonesia yang terkenal pernah juga mengatakan antara lain: “Saya dapati Iqbāl kembali di tepi sungai Janab antara Sarkuda dan Lahore, disebut dosanya terpencil yang Dilingkungi gunung-gunung batu tiada bernama. Saya tinggal di situ enam bulan lamanya. Maksudnya hendak mencari nilai-nilai hidup yang baharu dan membanding kembali tuntutan-tuntutan utama dari kehidupan ini.

Aneh dan ajaib hidup didosen kecil begitu, jauh dari kegelisahan masyarakat ramai, di dalam rumah gobok yang terbuat dari lumpur dan pasir dikeringkan, disinari matahari, kemudian mengguna tangan sendiri mencari dan membelah batu, memasak makanan dan minuman – rupanya makin mengasyikkan membaca tafsir Quran dan syair-syair alamah Muhammad Iqbāl”. -bersambung